

31/08/1999

Perpaduan kaum di Sarawak wajar dicontohi

Misiah Taib

MESKIPUN menunggu Tuai Kampung (ketua kampung), Henry Jeom ak Seman pulang dari kebunnya selama dua jam, penulis dan jurufoto Ghazali Bujang tidak langsung berasa takut atau terasing apabila berada di sebuah perkampungan Bidayuh di Bahagian Kuching.

Layanan ramah dan mesra yang diberi oleh anak lelaki serta menantunya yang fasih menggunakan loghat Melayu Sarawak, menyebabkan kami berasa seolah-olah berada di kampung sendiri, walaupun hakikatnya ia adalah kali pertama kami memasuki kampung itu.

Setiap pengunjung, tanpa mengira kaum, warna kulit dan bahasa, diberi layanan yang sama oleh penduduk di Kampung Bunuk, sebuah perkampungan yang majoriti masyarakatnya ialah Bidayuh.

Ini adalah satu gambaran, betapa semua kaum di Sarawak boleh hidup aman damai, bersatu padu dan tidak membezakan warna kulit, bahasa, mahupun agama. Bahasa Melayu Sarawak juga menjadi `bahasa rasmi' untuk semua kaum berinteraksi di Sarawak.

Suasana di Kampung Bunuk menyebabkan kami teringat kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sewaktu melawat Sarawak baru-baru ini, bahawa rakyat di negara ini tidak berasa takut untuk memasuki mana-mana kampung sekalipun kerana semua kaum di negara ini hidup harmoni dan mengamalkan sikap toleransi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak rakyat di negara ini agar sentiasa menghargai nilai keamanan yang mereka kecapai pada hari ini.

Bumi Kenyalang bukan saja negeri paling besar dari segi keluasannya di negara ini, malah mempunyai suku kaum yang sama ramai dengan Sabah iaitu lebih 30 suku etnik.

Namun semua suku etnik di negeri ini dapat hidup secara aman, masih mengekalkan identiti serta budaya masing-masing, saling bekerjasama dan tidak bermusuhan antara satu sama lain.

Ini meletakkan Sarawak sebagai `contoh terbaik' dari segi perpaduan dan keharmonian kaum bagi negara ini. Keharmonian dan kerjasama kaum di negeri ini bukan saja oleh pemimpin Pusat, malah pemimpin dan pelancong asing yang melawat negeri ini.

Setiap kaum masih mengekalkan identiti serta budaya masing-masing dan saling hormat menghormati. Ketegangan kaum tidak pernah tercetus di Bumi Kenyalang.

Di kalangan masyarakat tempatan di negeri ini, keamanan serta keharmonian kaum yang mereka nikmati sekarang mungkin perkara biasa, tetapi sebenarnya ia adalah perkara paling unik dan patut dihargai serta terus disemai.

Ini kerana keadaan serupa tidak dinikmati di kebanyakan negara lain yang mempunyai masyarakat majmuk. Peperangan saudara antara kaum, sesama kaum atau berlainan agama kerap tercetus kerana kurangnya sikap toleransi di kalangan mereka.

Tuai Kampung Jeom, 65, dan isterinya, Eton Jelleh, 55, pulang dari kebun mereka kira-kira jam 1.30 petang.

Jeom dan Eton juga menjadi contoh perkahwinan dua suku berbeza kerana mereka masing-masingnya berbangsa Bidayuh dan Iban. Malah lima anaknya juga mengahwini suku Iban dan seorang lagi mengahwini suku Kenyah.

Menurut Jeom, beliau tidak pernah membezakan anak menantunya walaupun mereka dari suku kaum berbeza. Sebaliknya, mereka diberi layanan sama dan setara.

Malah beliau juga banyak mengambil anak angkat dari kalangan pelawat yang pernah bertandang ke situ, sebuah perkampungan yang masih mempunyai rumah panjang tradisional Bidayuh dan paling hampir dengan Kuching, iaitu 35 kilometer dari pusat bandar.

"Saya sendiri mengambil beberapa anak angkat keturunan Melayu termasuk dari Semenanjung, yang pernah datang ke kampung ini. Setiap kali bertandang ke kampung ini, mereka bermalam di rumah saya," katanya.

Beliau berkata, semangat kerjasama dan perpaduan kaum sememangnya aset utama yang perlu terus dijaga bagi menjamin keharmonian kaum akan terus dikecapi dalam menuju ke arah alaf baru.

Presiden Persatuan Kebangsaan Orang Ulu Sarawak (Ouna), Abu Bakar Abdullah @ Tom Belarek, berkata perjuangan pemimpin terdahulu dari zaman Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak untuk memastikan semua kaum bekerjasama dan bersatu, harus dipertahan serta diperkukuhkan lagi.

"Keamanan yang wujud di Sarawak sekarang perlu dikekalkan dan ke arah itu jalinan kerjasama antara semua kaum harus dimantapkan lagi.

"Ini kerana tanpa keharmonian kaum, sukar bagi kerajaan hendak membawa pembangunan kepada rakyat," katanya. Sarawak mempunyai lebih 120,000 penduduk Orang Ulu yang merangkumi 26 suku etnik.

Etnik Orang Ulu di Sarawak termasuk Bakatan, Bisaya, Kajang, Kanowit, Kejaman, Lahanan, Penan, Punan, Sekapan, Tanyong, Kayan, Kelabit, Kenyah, Lisum, Lugat, Murud, Lun Bawang, Sihian, Tabun, Tagal dan Ukit.

Abu Bakar mengajak semua anggota masyarakat suku kaum mengukuhkan lagi kerjasama bukan saja di kalangan masyarakat Orang Ulu, malah dengan kaum lain.

Di Kampung Sungai Periuk, Jalan Sungai Apong di Kuching, penduduknya yang terdiri daripada pelbagai kaum juga hidup dalam suasana muhibah.

Ketua Kaumnya, Mohamad Gol, 73, berkata ketegangan kaum tidak pernah berlaku di kalangan 500 penduduknya yang merangkumi Melayu, Cina, Iban dan Bidayuh.

"Walaupun Kampung Sungai Periuk, majoriti masyarakatnya ialah Melayu, kita saling bekerjasama dengan kaum lain. Bagi mengukuhkan lagi semangat kerjasama, kita menganjurkan gotong-royong membersihkan longkang, kawasan kediaman dan tanah perkuburan, sekurang-kurangnya tiga bulan sekali.

"Gotong-royong ini membabitkan semua kaum dan saya tidak pernah menghadapi masalah untuk memanggil mana-mana kaum menyertainya," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) berkata, keharmonian kaum yang dikecapi penduduk Sarawak berpaksi kepada kelangsungan politik di peringkat negeri dan Pusat yang menitikberatkan soal perpaduan dalam perancangan ekonomi dan sosial.

Kapitan Cina, Thian Ted Hin, 56, menganggap Sarawak sebagai contoh terbaik dan negeri 'nombor satu' di Malaysia dari segi perpaduan kaum.

Beliau yang mengawasi kawasan Kota Sentosa sehingga ke Batu Kitang berkata, "Mungkin orang menganggap keharmonian kaum perkara biasa. Sebenarnya tanpa kerajaan yang mantap dan pemimpin yang mengambil kira kepentingan semua kaum, ia tidak mungkin dapat diwujudkan," katanya.

Kawasan yang terletak di bawah pengawasan Thian didiami lebih 10,000 penduduk, majoritinya Cina. Kaum lain yang turut mendiami kawasan itu ialah Melayu, Jawa, Bidayuh dan Iban.

Menurutnya, dalam usaha menjalin kerjasama lebih erat antara kaum di kawasannya, penduduk menganjurkan pasar ria tiga kali setahun.

Menerusi pasar ria berkenaan, semua kaum di kawasan itu bergotong-royong mendirikan gerai dan bersama-sama berniaga.

"Pada musim perayaan seperti Aidilfitri dan Tahun Baru Cina pula, kita saling kunjung mengunjungi untuk mengeratkan lagi perpaduan," katanya.

Selain tidak mengira perbezaan warna kulit, kaum dan keturunan, rata-rata penduduk Sarawak juga bersikap terbuka dalam soal 'kahwin campur'

yang turut menyumbang kepada pengukuhan jalinan perpaduan di kalangan mereka.

Contohnya, Sapoi anak Sendet, 75, seorang lagi penduduk Bidayuh di Bunuk, yang tidak kisah anak-anaknya mengahwini pasangan dari kaum apa sekalipun dan salah seorang anaknya mengahwini lelaki berketurunan Jawa beragama Islam.

"Bagi saya semua kaum sama, tiada bezanya. Asalkan mereka boleh hidup rukun damai apabila berumahtangga," kata. Sapoi mempunyai sembilan anak.

Sesungguhnya, keharmonian kaum yang wujud di Sarawak berakar-umbi daripada falsafah kepemimpinan kerajaan yang mengagihkan kekayaan negeri kepada semua kaum, tanpa mengira di bandar, luar bandar, mahupun pesisir dan pedalaman.

Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab rakyat memastikan apa yang mereka nikmati sekarang akan terus dikecapi dalam menuju alaf baru bagi memastikan mereka dapat terus mengecapi keamanan, keharmonian dan pembangunan. Perpaduan di kalangan masyarakat adalah pemangkin bukan saja bagi Sarawak, malah negara ini dalam menerjah arah alaf baru dengan penuh kejayaan.

(END)